



# MANUAL PENGURUSAN **BADAL HAJI**

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
JABATAN PERDANA MENTERI

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**[www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my)**

Cetakan Kedua ... 2008

© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

Konsep & reka bentuk:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)  
Jalan Chan Sow Lin  
50554 Kuala Lumpur

Tel: 603-92366909/10  
Faks: 603-92230397



## ***PERUTUSAN***

Y.B. MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin, rahmat dan inayah-Nya juga, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) berjaya menerbitkan Manual Pengurusan Badal Haji (MPBH) sebagai wadah ilmu yang sangat bermanfaat kepada umat Islam dan sebagai rujukan serta panduan kepada agensi yang menyediakan perkhidmatan Badal Haji. Penerbitan Manual ini secara tidak langsung menambah satu lagi koleksi Siri Manual Pengurusan JAWHAR.

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada JAWHAR yang telah bekerjasama dan bergabung idea, tenaga, usaha serta komitmen dengan semua pihak yang terlibat dalam memastikan penerbitan MPBH ini berjaya. Semoga niat dan usaha murni ini akan mendapat ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah


S.W.T juga serta memberi manfaat yang berterusan kepada seluruh umat Islam.

Penerbitan manual ini bertujuan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Badal Haji di samping menjadi sumber rujukan dan panduan kepada umat Islam untuk mendapatkan perkhidmatan Badal Haji dari agensi pelaksana. Melalui MPBH, masyarakat umum akan dapat mengenalpasti sebarang bentuk ketidakpatuhan yang dilakukan oleh agensi pelaksana Badal Haji dalam memberikan perkhidmatannya.

Dengan terbitnya manual di persada ilmu hari ini, diharapkan agar umat Islam akan memanfaatkannya dengan sebaik mungkin, bukan sekadar dianggap bahan bacaan biasa. Tambahan pula, pengetahuan kita sebagai umat Islam mengenai ibadat Badal Haji masih lagi tidak begitu komprehensif. Di samping itu, organisasi pelaksana Badal Haji hendaklah sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan berlandaskan garis panduan yang terdapat dalam Manual ini bagi memperkemas sistem tadbir urus dan pelaksanaan ibadat Badal Haji.

Sekian, terima kasih.

والسلام




**DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI**  
**Menteri di Jabatan Perdana Menteri**



## ***SEKAPUR SIRIH***

KETUA SETIAUSAHA NEGARA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan Nya, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah berjaya menerbitkan "Manual Pengurusan Badal Haji". Ia merupakan satu usaha proaktif JAWHAR dalam membantu memperkasakan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang bertaraf dunia menerusi penerbitan siri tadbir urus terbaik.

Sekalung penghargaan dan tahniah atas kejayaan JAWHAR dengan kerjasama **Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Lembaga Tabung Haji dan Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd** kerana menghasilkan Manual ini. Ia merupakan antara contoh terbaik usaha gigih JAWHAR dalam meningkatkan pengetahuan dan memupuk kesedaran umat Islam terhadap ibadat Badal Haji.

Harapan saya agar penerbitan manual ini dapat memberi panduan kepada umat Islam terhadap tuntutan ibadat Badal Haji. Sesungguhnya setiap umat Islam di muka bumi ini tidak terlepas daripada menunaikan ibadat haji apabila cukup syarat-syaratnya.

Justeru, Manual ini boleh dimanfaatkan menerusi pelaksanaan tadbir urus terbaik oleh semua agensi pelaksana serta memberi lebih kefahaman mengenai hal ehwal pelaksanaan Badal Haji demi kemaslahatan umat Islam di masa hadapan.

والسلام



TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HASSAN  
Ketua Setiausaha Negara



## *SEULAS PINANG*

KETUA PENGARAH  
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Syukur dan puji yang setinggi-tingginya diucapkan ke hadrat Allah S.W.T. di atas taufik dan hidayah yang telah dilimpahkan-Nya kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sehingga beroleh kesempatan untuk menerbitkan Manual Pengurusan Badal Haji (MPBH) ini dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan MPBH ini, yang mana ianya merupakan salah satu daripada Siri Manual Pengurusan JAWHAR terbitan Jabatan ini.

Badal Haji bermaksud menunaikan haji bagi pihak orang lain kerana terdapat halangan tertentu di pihaknya. Pada hakikatnya, seseorang pelaksana ibadat haji melakukan Badal Haji untuk orang lain dengan sebenar-benarnya secara paling ikhlas dan meniatkan pahalanya diberikan kepada orang yang dihajikan untuknya. Namun bagi orang yang tidak berupaya, sakit ataupun

sudah meninggal dunia yang mana ia tidak dapat menunaikannya sendiri, maka terpakalah orang lain melaksanakan bagi pihaknya dengan syarat seseorang tersebut sudah mengerjakan haji terlebih dahulu.


Usaha JAWHAR menerbitkan MPBH ini merupakan langkah yang bijak dalam memberi maklumat dan memperkasakan tadbir urus terbaik kepada agensi pelaksana Badal Haji khasnya dan masyarakat umum amnya. Berpedomankan MPBH ini, agensi pelaksana Badal Haji berupaya memantapkan perkhidmatan mereka supaya lebih sistematik, berkualiti dan meyakinkan sekaligus memboholi segala permasalahan yang timbul berkaitan pelaksanaan Badal Haji.

Harapan saya, agar apa yang disajikan dalam MPBH akan memberi manfaat dan bimbingan kepada agensi swasta dan masyarakat umum dalam memartabatkan pengurusan Badal Haji. Semoga segala amalan yang baik ini mendapat keredhaan Allah S.W.T. Di samping itu, masyarakat juga diharap mendapat faedah melalui fahaman dan penghayatan berdasarkan kehendak Badal Haji dengan jelas. Manual ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan berkaitan dengan pengurusan Badal Haji yang berkualiti.

Akhirnya, kepada Allah S.W.T. jualah saya memohon taufiq dan hidayah-Nya, mudah-mudahan usaha JAWHAR ini sentiasa beroleh hidayah dan di dalam keredhaan-Nya. Amin.

Sekian, terima kasih

والسلام

  
**DR. HJ. SOFIAMI HJ. MOHD SALLEH**  
Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

## *Penghargaan*

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri merakamkan sekalung penghargaan khusus kepada **Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Lembaga Tabung Haji** dan **Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd** di atas sumbangan maklumat dan input dalam penerbitan **Manual Pengurusan Badal Haji (MPBH)** ini dengan lengkap dan berjaya.

Setinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih juga dikhatususkan kepada semua pihak yang terlibat memberikan kerjasama bagi menghasilkan MPBH ini.

## GLOSARI



<b>Ijarah Ainiyyah</b>	Seseorang yang menerima upah Badal Haji perlu melaksanakannya dengan dirinya sendiri, tidak boleh menyerahkan kepada orang lain.
<b>Ijarah Zimmiyyah</b>	Seorang yang berakad menerima Badal Haji tetapi menyerahkan pelaksanaannya kepada orang lain dengan izin pengupah atau warisnya. Dalam keadaan ini, pelaksana boleh mengambil sedikit habuan yang munasabah sebagai bayaran upah pelaksana.
<b>Manasik</b>	Mengunjungi Baitullah untuk tawaf, sa'ie, bergunting dan dikaitkan juga dengan dam.
<b>Pelaksana Badal Haji</b>	Orang yang melaksanakan haji bagi pihak seseorang yang tidak mampu menunaikan ibadat haji atau si mati.

## ISI KANDUNGAN

### PERUTUSAN

Y. B. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI	iii
--	-----

### SEKAPUR SIRIH

KETUA SETIAUSAHA NEGARA	v
-------------------------	---

### SEULAS PINANG

KETUA PENGARAH JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI	vii
---	-----

### PENGHARGAAN

ix
----

### GLOSARI

x
---

### ISI KANDUNGAN

xi
----

### BAB 1 :PENDAHULUAN

1
---

PENGENALAN	2
TUJUAN	3
SKOP MANUAL	3
JUSTIFIKASI PENYEDIAAN MANUAL	3
KESIMPULAN	4

### BAB 2 :DEFINISI DAN HUKUM BADAL HAJI

5
---

PENGENALAN	6
PENGERTIAN	6
DALIL-DALIL BADAL HAJI	6

<b>SYARAT-SYARAT MEWAJIBKAN BADAL HAJI</b>	<b>8</b>
<b>HUKUM MENERIMA UPAH BADAL HAJI</b>	<b>11</b>
<b>KESIMPULAN</b>	<b>12</b>
<b>BAB 3 :SYARAT SAH BADAL HAJI</b>	<b>13</b>
<b>PENGENALAN</b>	<b>14</b>
<b>SYARAT-SYARAT</b>	<b>14</b>
<b>KESIMPULAN</b>	<b>17</b>
<b>BAB 4 :KAEDAH BADAL HAJI</b>	<b>19</b>
<b>(TATACARA PELAKSANAANNYA)</b>	
<b>PENGENALAN</b>	<b>20</b>
<b>PERATURAN (AKAD / SYARAT UPAH)</b>	<b>20</b>
<b>TATACARA PELAKSANAANNYA</b>	<b>22</b>
<b>KESIMPULAN</b>	<b>24</b>
<b>PENUTUP</b>	<b>24</b>
<b>LAMPIRAN 1</b>	<b>25</b>
<b>LAMPIRAN 2</b>	<b>26</b>
<b>LAMPIRAN 3</b>	<b>27</b>

## BAB 1

### PENDAHULUAN



فِيهِ عَائِدَتْ بَيْنَتْ مَقَامٌ لِّبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ وَكَانَ عَامِلاً وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ  
جُحُّ الْبَيْتِ مَنْ أَسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ



Maksudnya: “*Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya, maka aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.”*

(Surah ali Imran, ayat 97)

## PENGENALAN

**Mengerjakan haji** merupakan salah satu daripada Rukun Islam iaitu mengunjungi Kaabah untuk beribadat kepada Allah S.W.T. dengan menunaikan rukun-rukun dan syarat-syarat tertentu pada waktu yang tertentu kepada umat Islam yang berkuasa menunaikannya. Ibadat ini juga dipanggil “*manasik*”. Ianya juga bersesuaian sebagaimana firman Allah S.W.T. di atas.

Bab ini menerangkan latar belakang dan keperluan dalam penyediaan manual tadbir urus terbaik pengurusan Badal Haji. Ia juga akan menerangkan pengertian Badal Haji dan keistimewaan ibadat tersebut dengan lebih mendalam. Manual Pengurusan Badal Haji (MPBH) mengandungi garis panduan pengurusan perkhidmatan Badal Haji dan cara pelaksanaannya mengikut syariat Islam. Manual ini membantu memperjelaskan proses pelaksanaan Badal Haji agar dapat menghapuskan sebarang tanggapan negatif atau keraguan terhadap agensi pelaksana. Oleh itu, kefahaman mengenai pelaksanaan perkhidmatan Badal Haji dan kehendak ibadat ini adalah penting bagi melahirkan keyakinan orang ramai dan menjamin kewibawaan agensi pelaksana yang mengendalikannya. Manual ini diwujudkan berdasarkan beberapa faktor berikut :

- i. Kesedaran umat Islam mengenai ibadat Badal Haji semakin meningkat natijah positif dari dakwah yang diterima dan peningkatan taraf ekonomi ummah. Oleh itu, permintaan untuk melaksanakan Badal Haji semakin bertambah saban tahun.

- ii. Banyak agensi pelaksana dan individu perseorangan yang menawarkan perkhidmatan melaksanakan Badal Haji kepada umat Islam.
- iii. Bayaran perkhidmatan Badal Haji yang berbeza-beza memandangkan setakat ini, tiada satu pun badan berkuasa yang menentu dan menyelaraskan kadar bayaran Badal Haji.
- iv. Kerap kedengaran rungutan umat Islam meluahkan perasaan kurang puas hati dan tidak yakin terhadap kesahihan ibadat yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana.

## **TUJUAN**

Manual ini bertujuan menetapkan garis panduan proses perkhidmatan Badal Haji secara jelas bagi agensi pelaksana dan pengupah (pewakil) agar pengurusan perkhidmatan ini lancar, pelaksana melaksanakan dengan ikhlas dan pengupah (waris) mendapat kepuasan serta keyakinan.

## **SKOP MANUAL**

Manual ini menerangkan prosedur dan proses berkaitan dengan aspek-aspek pengurusan yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana, pengupah dan pelaksana dalam mengerjakan ibadat Badal Haji mengikut syariat Islam.

## **JUSTIFIKASI PENYEDIAAN MANUAL**

Antara pemerhatian dalam pengurusan Badal Haji yang perlu diberikan perhatian serius adalah :

- i. Kurang keyakinan akan kesahihan perkhidmatan yang diterima;
- ii. Agensi pelaksana menerima banyak permohonan dalam waktu yang sama;
- iii. Agensi pelaksana menangguhkan ibadat Badal Haji ke tahun hadapan;
- iv. Agensi pelaksana mengenakan bayaran perkhidmatan yang tidak munasabah;
- v. Sukar mendapat ramai pelaksana; dan
- vi. Sukar mengenalpasti pelaksana yang jujur dan ikhlas; seperti seorang pelaksana menerima lebih dari satu permohonan Badal Haji pada tahun yang sama yang mana ianya tidak dibolehkan dalam Islam.

## KESIMPULAN

MPBH ini dihasilkan berdasarkan skop dan tujuan yang telah dikenalpasti bagi menyusun satu garis panduan dan tadbir urus terbaik agar dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan dan perkhidmatan Badal Haji. Penyediaan manual ini penting bagi membantu melicinkan pengurusan pelaksanaan Badal Haji dengan sempurna serta memperolehi Badal Haji mabruk di sisi Allah S.W.T.



## BAB 2

### DEFINISI DAN HUKUM BADAL HAJI



"من حج عن والديه بعد وفاتهما كتب الله له عتقا من النار وكان للمحجوج عنه  
أجر حجة تامة من غير أن ينقص من أجورهما شيء"

Maksudnya: "Barangsiapa yang mengerjakan haji bagi kedua ibubapanya selepas wafat mereka, maka disuratkan oleh Allah baginya kelepasan dari neraka dan orang yang dihajikan baginya pahala satu haji yang sempurna dan tiada kurang pahala dari keduanya sedikitpun".

(Riwayat Imam al-Baihaqi dan Ibni ‘Asakir)

## PENGENALAN

Haji merupakan Rukun Islam yang kelima dan wajib ditunaikan oleh setiap muslim yang mukallaf. Namun begitu, pelaksanaan ibadat ini bergantung kepada kemampuan seseorang untuk melakukannya.

Oleh yang demikian, apabila seseorang muslim tidak mampu melakukan ibadat haji sedangkan ia berkuasa disebabkan beberapa keuzuran dari aspek syarak atau tidak berkesempatan semasa hidup, ia wajib disempurnakan secara Badal Haji.

## PENGERTIAN

Badal Haji ialah ibadat haji yang dilaksanakan oleh seseorang individu bagi pihak individu lain yang terhalang daripada melakukan ibadat tersebut disebabkan oleh beberapa halangan menurut syarak. Ini diharuskan di sisi syarak berdasarkan pandangan jumhur ulamak dari kalangan mazhab Syafie, Hanafi dan Hanbali.

## DALIL-DALIL BADAL HAJI

Pandangan jumhur ulamak tersebut adalah berpedomankan kepada beberapa hadis iaitu:

- a) Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Abbas r.a:

جاءت امرأة من خثعم عام حجة الوداع، قالت: يا رسول الله، إن فريضة الله على عباده في الحج أدركت أبي شيخاً كبيراً لا يستطيع أن يستوي على الراحلة، فهل يقضى عنه أن أحج عنه؟ قال: نعم

Bermaksud: “Seorang perempuan daripada puak Khath'am telah datang (menemui Rasulullah S.A.W.) dan bertanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibadat haji telah difardhukan oleh Allah S.W.T. ke atas hamba-hamba-Nya ketika bapaku telah berusia lanjut dan tidak mampu lagi untuk berada di atas tunggangan (untuk bermusafir mengerjakan ibadat haji), adakah dia wajib menqadha'kannya dengan cara aku lakukan ibadat haji tersebut bagi pihaknya? Rasulullah S.A.W. bersabda: Ya.”

- b) Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Ibnu Abbas r.a:

أن امرأة من جهينة جاءت إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقالت: إن أمي نذرت أن تحج فلم تحج حتى ماتت فأفأحج عنها؟ قال صلى الله عليه وسلم: نعم حجي عنها، أرأيت لو كان على أمك دين أكنت قاضيتها؟ اقضوا الله، فالله أحق بالوفاء

Bermaksud: “Seorang perempuan daripada puak Juhainah telah datang menemui Rasulullah S.A.W. dan berkata: Sesungguhnya ibuku telah bernazar untuk mengerjakan ibadat haji, tetapi tidak sempat menunaikannya sebelum dia meninggal dunia, adakah aku boleh mengerjakan ibadat haji itu bagi pihaknya? Rasulullah S.A.W. bersabda: Ya, tunaikanlah ibadat haji itu

*bagi pihaknya. Apakah pandanganmu jika ibumu mempunyai hutang, sudah tentu kamu akan melangsakan hutang tersebut (bagi pihaknya). Langsaikanlah hutang (dari segi ibadat) kepada Allah, sesungguhnya hutang kepada Allah adalah lebih patut untuk kamu langsakan.”*

Imam Al-Kamal bin Al-Hummam telah menjelaskan dengan lebih lanjut bahawa, jika dipandang dari aspek qias, ibadat haji tidak boleh diwakilkan kepada sesiapa pun kerana ia suatu ibadat yang melibatkan aspek fizikal dan material. Walaupun begitu, syarak telah memberikan kelonggaran (*rukhsah*) di dalam permasalahan ini agar individu yang tidak berkelayakan mengerjakan ibadat haji dengan dirinya sendiri, tetap perlu melaksanakan ibadat tersebut dengan menanggung beban (*masyaqqah*) yang lain iaitu dengan mengeluarkan perbelanjaan kepada individu lain atau waris mengeluarkan perbelanjaan agar dapat menunaikan ibadat tersebut bagi pihak dirinya. Bagaimanapun, ia bergantung kepada beberapa syarat yang perlu dipatuhi.

## **SYARAT-SYARAT MEWAJIBKAN BADAL HAJI**

Beberapa syarat perlu dipatuhi agar pelaksanaan Badal Haji memenuhi kehendak syarak iaitu :-

### **Pertama: Syarat-syarat Mewajibkan Badal Haji (*Al-Ihjaj*)**

- a) Badal Haji hanya dapat dilaksanakan bagi pihak mereka yang disahkan tidak mampu melaksanakan ibadat haji

menurut syarak. Ketidakmampuan ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- i) meninggal dunia;
- ii) dikurung (dipenjara atau sebagainya);
- iii) dihalang;
- iv) menghidap penyakit yang tidak akan sembuh;
- v) mengalami kecacatan fizikal seperti buta (jika ia tidak mampu mengadakan pemandu); dan
- vi) usia tua yang tidak mampu melakukan ibadat haji dan menempuh perjalanan yang jauh.

Ketidakmampuan yang disyaratkan ini hendaklah sesuatu yang dijangka akan berterusan sehingga seseorang yang wajib melakukan ibadat haji itu meninggal dunia.

## **Kedua: Syarat-syarat Bagi Pelaksana Badal Haji**

- a) Ia wajiblah dilakukan oleh mereka yang sudah melakukan ibadat haji untuk dirinya sendiri. Jika ia dilakukan oleh mereka yang belum melakukan ibadat haji, maka haji tersebut dianggap telah dilakukan bagi dirinya sendiri dan bukan bagi pihak mereka yang mewakilkan atau mengupahnya.

Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Ibnu Majah daripada Ibnu Abbas r.a:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمِعَ رَجُلًا يَقُولُ لِبَيْكَ عَنْ شَبْرَمَةَ قَالَ مَنْ شَبْرَمَةَ قَالَ أَخْ لِيْ أَوْ قَرِيبٌ لِيْ قَالَ حَجَّتْ عَنْ نَفْسِكَ قَالَ لَا قَالَ حَجَّ عَنْ نَفْسِكَ ثُمَّ حَجَّ عَنْ شَبْرَمَةَ

Bermaksud: “*Nabi Muhammad S.A.W. telah mendengar seorang lelaki berkata: Wahai Rasulullah, adakah aku boleh menunaikan haji bagi Syubrumah? Rasulullah bertanya: Siapakah Syubrumah? Lelaki itu menjawab: Dia adalah saudaraku atau salah seorang dari kaum kerabatku. Rasulullah bertanya lagi: Adakah kamu telah menunaikan haji bagi dirimu? Lelaki itu menjawab: Belum. Rasulullah bersabda: Tunaikanlah haji bagi dirimu dahulu, kemudian barulah kamu menunaikan haji bagi Syubrumah.*”

### Ketiga: Syarat-syarat sah Badal Haji

- a) Mereka yang melaksanakan Badal Haji perlu mendapat keizinan daripada individu yang tidak mampu menunaikan ibadat haji (*ma'dhub*) tersebut jika dia masih hidup. Jika dia sudah meninggal dunia, mereka tidak memerlukan sebarang keizinan atau wasiat daripada si mati di dalam menunaikan Badal Haji tersebut.
- b) Perbelanjaan atau upah bagi melaksanakan Badal Haji ini hendaklah diambil daripada harta mereka yang tidak mampu menunaikan ibadat haji. Jika dia meninggal dunia, ia boleh diambil daripada sebahagian atau keseluruhan

harta peninggalannya kerana ibadat haji adalah sama sebagaimana hutang seperti yang disebutkan di dalam hadis di atas.

Imam An-Nawawi menjelaskan melalui tulisan beliau iaitu *Raudhatut Talibin*, Badal Haji dilakukan di dalam dua keadaan bagi mereka yang tidak mempunyai sebarang harta atau si mati yang tidak mempunyai harta peninggalan. Dua keadaan tersebut ialah:

- i) Anak-anak, cucu-cucu dan mereka yang tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan (ajnabi) memberi bantuan kewangan dalam bentuk upah menunaikan Badal Haji. Bantuan kewangan yang diberi ini dianggap sebagai sedekah jariah.
- ii) Anak-anak, cucu-cucu dan mereka yang tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan (ajnabi) tersebut boleh menunaikan sendiri Badal Haji ini dengan syarat:
  - Sudah menunaikan ibadat haji;
  - Ia ditunaikan oleh mereka yang boleh dipercayai dari segi syarak; dan
  - Tidak mempunyai halangan untuk melaksanakan ibadat haji.
- c) Berniat menunaikan haji bagi pihak mereka yang tidak mampu menunaikan ibadat haji tersebut atau si mati

seperti: “**Sahaja aku berniat menunaikan haji bagi pihak si fulan bin si fulan dan berihram dengannya kerana Allah S.W.T**”.

Di samping itu juga, sekiranya dia berniat melakukan Haji Qiran sedangkan dia telah diupah bagi melakukan Haji Ifrad, maka ibadat haji tersebut tetap sah dan diterima dari sudut syarak. Akan tetapi, jika dia berniat melakukan Haji Tamattu’ sedangkan dia telah diupah bagi melakukan Haji Ifrad, maka haji tersebut tidak sah.

- d) Seseorang yang menerima upah Badal Haji perlu melaksanakannya dengan dirinya sendiri (jika akad *Ijarah 'Ainiyyah*). Sekiranya dia sakit atau mempunyai halangan untuk melaksanakannya, dia boleh mewakilkannya kepada orang lain (jika akad *Ijarah Zhimmiyyah*) sekiranya mendapat:
  - i) keizinan daripada pengupah; atau
  - ii) pengupah melafazkan akad secara umum.
- e) Para ulamak bersepakat bahawa mereka yang melaksanakan Badal Haji perlu melaksanakannya dari miqat mereka yang tidak mampu menunaikan ibadat haji atau si mati tersebut.
- f) Seseorang pelaksana Badal Haji hanya boleh menerima satu upah pelaksanaan Badal Haji bagi setiap musim haji.

- g) Seseorang pelaksana Badal Haji tidak melakukan sebarang perbuatan yang boleh membatalkan ibadat haji yang sedang ditunaikan seperti bersetubuh dan sebagainya. Jika perbuatan tersebut tetap dilakukan, dia wajib menjadikan ibadat haji yang telah terbatal.

## HUKUM MENERIMA UPAH BADAL HAJI

Badal Haji itu boleh dilaksanakan dalam dua keadaan:

- i) Dilakukan secara sukarela oleh pelaksana; atau
- ii) Dilakukan secara upah oleh individu yang tidak berupaya atau waris.

Mengambil upah (ijarah) bagi melakukan Badal Haji adalah harus berdasarkan kesepakatan para ulamak. Oleh yang demikian, upah yang diberikan ini perlu memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang digariskan di dalam konsep ijarah yang terkandung di dalam bab fiqh muamalat.

Ini adalah berpandukan kepada kesepakatan para ulamak mengenai keharusan menerima upah bagi melakukan sesuatu ibadat dan diqiaskan kepada keharusan menerima upah bagi mengajar Al-Quran seperti yang dinyatakan di dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Ibnu Abbas r.a:

إِنَّ أَحْقَ مَا أَخْذَتُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا كِتَابُ اللَّهِ

Bermaksud: “ Sesungguhnya sebaik-baik upah yang kamu terima ialah daripada (mengajar) kitab Allah (Al-Quran). ”

Imam Al-Juwaini dan Imam Al-Ghazali turut berpendapat bahawa upah ini juga boleh diserahkan kepada pelaksana Badal Haji sebelum tiba musim haji lagi.

## **KESIMPULAN**

Para ulama bersepakat bahawa Badal Haji boleh dilaksanakan dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak. Ia boleh dilakukan dengan upah atau tanpa upah. Pelaksana hendaklah seorang yang beramanah, bertanggungjawab dan telah melaksanakan haji fardhu untuk dirinya sendiri terlebih dahulu.

## BAB 3

### SYARAT SAH BADAL HAJI



عن لقيط بن عامر رضى الله عنهمما انه اتى النبي صلى الله عليه وسلم فقال: ان ابى شيخ كبير لا يستطيع الحج ولا العمرة ولا الظعن ،  
قال حج عن ابيك واعتمر

Maksudnya: Daripada Laqit bin Amir r.a., bahawa ia telah mengadap Rasulullah S.A.W. dan berkata, “Bahawa bapa hamba seorang yang telah tua, tidak berdaya menunaikan haji dan umrah dan tidak berkuasa mengikuti rombongan atau berjalan untuk mengerjakan haji atau umrah. Sabda Rasulullah S.A.W. “*Tunaikanlah haji untuk bapamu dan umrahnya.*”

(Riwayat Abu Daud dan Tarmizi)

## PENGENALAN

Haji pada syarak ialah mengunjungi Baitullah al-Haram dalam bulan haji kerana mengerjakan tawaf, sa'ie dan wuquf di Arafah dengan menurut syarat-syaratnya serta menunaikan segala rukunnya.

Haji diwajibkan sekali sahaja seumur hidup ke atas setiap orang Islam yang sudah baligh, berakal, merdeka, berkuasa (sama ada lelaki atau perempuan); sementara Badal Haji adalah satu istilah yang dikenal dalam fiqh Islam iaitu seorang yang menunaikan ibadah haji untuk orang lain di mana dia telah pun menunaikan haji fardhu untuk dirinya sendiri. Maka pahala Badal Haji itu, diniatkan untuk orang yang dilakukan ibadat tersebut.

## SYARAT-SYARAT

Bagi memastikan ibadat Badal Haji dan umrah dikerjakan dengan sempurna, maka syarat-syarat sah orang yang mewakilkan, pewakil (penerima upah) dan cara dilaksanakan ibadat haji mengikut syariat Islam perlulah dipatuhi seperti berikut:

### 1. Orang yang mewakilkan

- i. Hendaklah ia mendapatkan seorang yang cukup syarat bagi menerima wakil mengerjakan haji

untuknya atau ahli keluarganya yang telah meninggal dunia / uzur yang tidak berkuasa.

- ii. Mewakilkan kepada orang itu untuk mengerjakan haji bagi dirinya (yang uzur tiada harapan sembah) atau ahli keluarganya yang telah meninggal dunia / uzur yang tidak berkuasa dengan IJAB dan QABUL seperti berikut:

***“Aku mewakilkan akan dikau untuk mengerjakan fardhu haji bagi diriku / ibuku / bapaku / anakku pada tahun ini kerana Allah S.W.T”.***

Jawab penerima wakil seperti berikut:

***“Aku terima wakil untuk mengerjakan fardhu haji bagi dirimu / ibumu / bapamu / anakmu pada tahun ini kerana Allah S.W.T”.***

Atau jawab penerima:

***“Aku terima”.***

- iii. Mewakilkan orang lain untuk mengerjakan haji itu boleh dilakukan dengan upah yang dipersetujui oleh si penerima wakil atau dengan secara sukarela.

**Catatan:**

Wakil penerima hendaklah mengeluarkan kenyataan terima seperti **Surat Akad** atau **Resit Terima Wang**.

**2. Pelaksana Badal Haji**

- i. ia (pelaksana Badal Haji) telah menunaikan haji fardhu untuk dirinya sendiri dengan sempurna;
- ii. Hendaklah melakukan ibadat haji untuk seorang sahaja bagi satu musim;
- iii. ia (pelaksana Badal Haji) mestilah berihram di miqat orang yang dihajikannya atau pada tempat yang sama jauhnya dengan miqat itu. Jika ditentukan kepadanya sesuatu miqat hendaklah ia berihram pada miqat yang ditentukan itu. Jika tidak ditentukan mana-mana miqat maka harus bagi orang yang mengambil upah itu berihram pada miqat yang dilaluinya. Bagi orang yang berada di Mekah yang mengambil upah haji wajiblah ia keluar ke miqat yang dihajikannya, atau boleh juga pada mana-mana miqat yang lebih hampir kepadanya. Maka sekiranya ia berihram daripada miqat biasanya (di Makkah) nescaya berdosa dan wajib dikenakan dam. Inilah qaul yang muktamad oleh Syeikh Ibni Hajar dan Ramli.

Tetapi pada pendapat Jamal Attabari adalah diharuskan berihram di Mekah dengan

tiada dikenakan dam dan tidak dikurangkan upahnya.

Ia (pelaksana Badal Haji) hendaklah seorang yang cukup keahliannya bagi mengerjakan ibadat haji itu dengan menyempurnakannya seperti ia mengerjakan haji untuk dirinya sendiri.

- iv. Melaksanakan badal umrahnya sekali - perlu diambil perhatian bahawa Badal Haji tidak lengkap jika tidak dilakukan dengan umrahnya sekali sama ada berniat dengan Haji Ifrad atau Tamattu' (kecuali Haji Qiran). Dikhawatir para pelaksana Badal Haji ini tidak melakukan umrah mengiringi ibadat Badal Haji itu mungkin disebabkan oleh upahnya yang terlalu rendah. Oleh itu pelaksana Badal Haji hendaklah mengambil kira pelaksanaan umrahnya sekali semasa menentukan kadar bayaran yang dimasukkan dalam akad.

### **3. Cara Pelaksanaan Ibadat Badal Haji**

Cara niat dan melakukan kerja-kerja Badal Haji adalah sama seperti orang mengerjakan untuk dirinya dengan mengikut syarat dan rukun haji, maka hajinya adalah sah.

**i. Niat**

Hendaklah niat oleh warisnya / orang yang melaksana upah haji untuk si mati atau orang yang terlalu uzur seperti berikut:

***“Sahaja aku berniat menunaikan haji/ umrah untuk gantian (ibuku / bapaku / anakku / tanggunganku).....(sipulan ini / namanya) dan berihram dengannya kerana Allah S.W.T”.***

**ii. Menyempurnakan kesemua rukun haji**

Hendaklah ia berwukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah, bermalam di Mina, melontar Jamrah, bercukur / bergunting, tawaf dan sa'ie. Maka ia melaksanakan kerja-kerja tersebut seperti ia melakukan untuk dirinya sendiri.

**Catatan:**

Sesuai ia mengerjakan haji untuk orang lain maka hendaklah ia mendoakan kepada Allah S.W.T memohon ampun kepada orang yang dihajikannya, walaupun doa dalam ibadat haji adalah sunat sahaja.

### **iii. Penjagaan Pantang Larang Dalam Ihram**

Sepanjang ia di dalam ihram hendaklah dengan ikhlas menjaga diri dari melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam ihram (ada 13 perkara seperti di Lampiran 1). Jika melakukan atau melanggar perkara-perkara yang dilarang dalam ihram maka wajib disempurnakan dam.

## **KESIMPULAN**

Ibadat haji dan umrah adalah difardhukan ke atas setiap orang Islam yang baligh, berakal, merdeka dan berkemampuan untuk mengunjungi Baitullah al-Haram sekali seumur hidup dengan mengerjakan ibadat mengikut peraturan dan syarat sah ibadat berkenaan.

Kewajipan tidak terlepas walaupun seseorang itu telah meninggal dunia atau yang terlalu uzur tiada harapan sembah. Sekiranya dia telah mencukupi syarat-syarat wajib haji dan umrah semasa hidup, maka menjadi kewajipan ke atas warisnya untuk melunaskan haji dan umrah si mati atau orang yang terlalu uzur yang tiada harapan sembah dengan secara mengerjakan Badal Haji dan umrah untuknya. Sama ada dilakukan sendiri oleh warisnya (yang lebih afdhal) atau diupah seseorang yang telah menunaikan haji fardhu bagi mengerjakan haji dan umrah untuk si mati atau orang yang tidak berkuasa itu.



## BAB 4

### KAEDAH BADAL HAJI (TATACARA PELAKSANAANNYA)



"من حج عن ابيه او امه فقد قضى حاجته وكان له فضل عشر حجج"

Maksudnya: "Barangsiapa yang mengerjakan haji untuk bapanya atau ibunya maka sesungguhnya ia telah tunai hajinya dan baginya pahala sepuluh kali haji".

(Riwayat al Dar Qatny)

## PENGENALAN

Badal Haji atau dimaksudkan mengerjakan haji ganti (oleh orang yang masih hidup yang telah mencukupi syarat-syaratnya) untuk seseorang yang telah meninggal dunia tapi masih tertanggung ke atasnya kewajipan haji fardhu yang belum ditunaikan semasa hayatnya, atau untuk orang yang tidak mampu mengerjakan fardhu haji disebabkan sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh.

Kedua-dua keadaan ini membolehkan orang lain mengerjakan Badal Haji bagi pihak mereka samada dengan upah atau mengerjakannya secara sukarela (percuma) seperti anak mengerjakan haji untuk menggantikan ibu atau bapanya yang telah meninggal dunia. Hal ini telah menjadi keperluan syarak sejak dahulu lagi dan diamalkan berterusan sehingga sekarang berdasarkan kepada kebenaran Rasulullah S.A.W. kepada seorang wanita zamannya yang ingin mengerjakan haji bagi bapanya yang telah meninggal dunia seperti yang diriwayatkan di atas.

## PERATURAN (AKAD / SYARAT UPAH)

Terdapat dua jenis Badal Haji yang dibenarkan oleh syarak:

1. Tanpa upahan / istinabah
2. Dengan upahan / isti'jar

Oleh kerana kebanyakan orang Islam mengamal / memilih jenis Badal Haji yang melibatkan upahan maka mereka harus memahami peraturan / syarat upah dan akad yang telah ditetapkan supaya menepati hukum dan tidak timbul sebarang kemungkinan yang boleh membatalkan amalan tersebut dan menjadi sia-sia atau pengabaian ke atas pelaksanaannya.

Bagi pelaksana yang mengambil upah (isti'jar) maka terdapat dua cara upahan mengerjakan Badal Haji ini:

1. **Ijarah 'Ain** : Iaitu menetapkan / mengupah individu tertentu (yang mengaku sendiri) untuk mengerjakan Badal Haji. Badal jenis ini tidak boleh ditukar / diganti orang lain mengerjakannya selain diri orang yang telah ditetapkan dalam akad. Contohnya, seorang yang sakit tidak ada harapan sembah berkata kepada penerima upah haji dengan lafaz *aku upah kamu menunaikan haji bagi diriku*". Ini bermaksud penerima yang melaksanakannya sendiri.
2. **Ijarah Zimmah (Zimmiyyah)**: Iaitu menyerahkan tanggungjawab menunaikan haji kepada seseorang. Contohnya, "*aku serahkan tanggungjawab menunaikan haji bagi pihak bapaku dengan bayaran .....*". Badal Haji jenis ini tidak disyaratkan penerima akad melakukannya sendiri bahkan dibolehkan menggantikan orang lain mengerjakannya. Difahamkan dari Badal Haji jenis ini tidaklah menjadi suatu kesalahan jika seseorang pengupah berakad Badal Haji

*berkata “aku mengupah kamu menunaikan haji bagi Allahyarham bapaku dengan upah sebanyak RM.....”. Jawab penerima upah “saya terima ..... ” atau seumpamanya.*

3. Agensi / wakil pengendali boleh mengambil sejumlah wang yang munasabah dari pengupah sebagai bayaran pengurusan.
4. Sekiranya pengupah menentukan tahun pelaksanaan ibadat haji itu dalam akadnya maka penerima / pelaksana hendaklah menunaikan dalam masa yang ditentukan.


## TATACARA PELAKSANAANNYA

Bagi merealisasikan pelaksanaan Badal Haji secara mudah, teratur dan tidak meragukan:

1. Agensi atau individu yang terlibat dengan amalan ini perlulah menyediakan beberapa dokumen seperti borang pendaftaran (contoh borang di Lampiran 2), resit penerimaan wang, lafaz akad, sijil Badal Haji (contoh sijil di Lampiran 3) seumpamanya yang difikirkan sesuai.
2. Untuk membuktikan Badal Haji telah selesai dilaksanakan dengan sempurna; Sijil Badal Haji (yang telah ditandatangani oleh pelaksana Badal Haji serta disahkan oleh pihak yang bertanggungjawab) hendaklah diserahkan

kepada pengupah badal tersebut. Kebiasaannya penyerahan sijil tersebut diiringi dengan sedikit cenderahati.

3. Kos perbelanjaan pengurusan bagi melaksanakan Badal Haji ini diambil dari wang upah haji melalui cara akad Ijarah Zimmah.
4. Pelaksana Badal Haji ini kebanyakannya dilakukan oleh orang Melayu Makkah / para pelajar dan individu yang dikenali oleh agensi pelaksana yang memang biasa mengambil upah haji bagi setiap musim haji.
5. Seorang pelaksana Badal Haji boleh melaksanakan satu fardhu Badal Haji sahaja bagi setiap musim. Tidak sah seorang penerima upah Badal Haji mengutip banyak upah Badal Haji untuk dirinya sendiri dalam satu tahun. Ini bererti jika ia mendapat banyak upah Badal Haji maka dia boleh menunaikan untuk seorang sahaja dan bakinya hendaklah diserahkan kepada orang lain.



## KESIMPULAN

Oleh kerana upah haji sudah menjadi lumrah dalam kalangan umat Islam untuk melangsaikan tanggungjawab orang yang telah meninggal dunia atau uzur yang tidak berupaya menunaikan haji, maka agensi pelaksana perlulah menerima tanggungjawab dengan jujur berpandukan kepada peraturan yang digariskan. Contohnya, seperti jumlah upah yang bersesuaian dengan keadaan semasa dan pelaksana terdiri dari orang yang sudah dikenalpasti mengikut syarat-syarat di atas.

Keputusan Muzakarah Haji kali yang ke dua belas – tahun 1996 anjuran Pusat Islam / Tabung Haji menetapkan bahawa tidak sah seorang yang belum baligh melaksanakan Badal Haji.

## PENUTUP

Kesedaran agensi pengelola Badal Haji untuk meningkatkan kecekapan pelaksanaan perkhidmatan Badal Haji dari semasa ke semasa adalah sangat penting bagi mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang berkualiti dan bertaraf dunia. Dalam konteks pelaksanaan Badal Haji, agensi pengelola atau sesiapa sahaja yang melaksanakan Badal Haji tersebut merupakan pemegang amanah. Tanggungjawab sebagai pemegang amanah adalah sangat berat, oleh itu pelaksanaan amanah yang diberi perlu mengikut tatacara yang sepatutnya berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh agama Islam.

Agenesi pelaksana Badal Haji tidak wajar hanya mensasarkan kepada motif keuntungan semata-mata dalam melaksanakan perkhidmatan apatah lagi perkhidmatan yang diberi merupakan satu bentuk ibadat utama sedangkan tidak ada orang yang mengaudit atau memantau pelaksanaan Badal Haji itu. Hanya keikhlasan mereka yang menjadi kepercayaan pihak yang mengupah. Selain itu, aspek yang lebih penting dan perlu diberi keutamaan ialah kecekapan, kualiti, ketelusan dan integriti dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab dengan penuh amanah seperimana tuntutan agama Islam.

## **Lampiran 1**

### **PANTANG LARANG YANG PERLU DIJAGA SEMASA BERIHRAM**

1. Menutup kepala atau sebahagian daripadanya bagi lelaki seperti memakai songkok, serban dan sebagainya;
2. Memakai pakaian bersarung atau berjahit dan bercantum bagi lelaki seperti seluar, baju dan sebagainya;
3. Menutup muka dan tapak tangan bagi wanita;
4. Memakai bau-bauan samada pada badan, pakaian, makanan, minuman atau menyedutnya ke dalam hidung;
5. Memakai minyak rambut dikepala atau janggut;
6. Menanggalkan rambut atau memotong mana-mana bulu di anggota badan, walaupun terlupa;
7. Memakai sarung tangan;
8. Mengerat/menebang atau mencabut pokok atau tumbuh-tumbuhan di tanah haram (kecuali yang mati kering);
9. Mengerat / memotong kuku;
10. Memburu binatang-binatang buruan yang halal dimakan atau membinasakannya samada di tanah halal atau tanah haram;
11. Melakukan pendahuluan persetubuhan (bercumbu-cumbuan);
12. Bersetubuh (hubungan kelamin); dan
13. Akad nikah sama ada ijab kabul untuk diri sendiri atau mewakili orang lain.

Lampiran 2

**BORANG UPAH HAJI DAN UMRAH**

Segala maklumat hendaklah ditulis dalam HURUF BESAR

BUTIRAN WARIS:

NAMA WARIS

ALAMAT RUMAH

NO. TEL (R)  NO. (H/P)

BUTIRAN ARWAH:

NAMA ARWAH i)   
ii)   
iii)

HUBUNGAN

UPAH YANG HENDAK DIKERJAKAN:

HAJI

KEDUA-DUANYA

UMRAH

NOTA:

\* UPAH HAJI ADALAH SEBANYAK RM 2,000.00




\* UPAH UMRAH ADALAH SEBANYAK RM 300.00

TANDATANGAN : .....

TARIKH

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

NOMBOR RESIT	TARIKH	PEMBAYARAN	NOTA



قال الله تعالى: **رَدْفَنُ فِي الْأَيْمَنِ يَا نَوْكَتْ رِجَالُ الْرَّوْعَةِ**  
**لَكَتْ قَارِبَتْ تَائِبَتْ مِنْ طَنْ فِي هَبَرِي**  
 قال الله تعالى: **سَلَكَتْ اللَّهُ شَاءَتْ اللَّهُ مَدِيَتْ**  
**الْجَمَالتْ زَرَوْلَيْسَ الْجَمَرَزَادَةَ الْجَمَاجِنَسَ**

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ مُعَاوِيَةَ حَمَلَتْ إِرْسَافَهُنَّ خَصْرَفَهُنَّ يَارَسُولَهُ  
إِنْ فَرِيقَهُمْ الظَّاهِرُ بِالْجَوَاهِرِ وَلَكِنَّهُنَّ لَمْ يَأْتُوا بِشَيْءٍ إِلَّا لَهُمْ فَلَمْ يَأْتُوا بِشَيْءٍ إِلَّا  
لَهُمْ فَلَمْ يَأْتُوا بِشَيْءٍ إِلَّا لَهُمْ فَلَمْ يَأْتُوا بِشَيْءٍ إِلَّا لَهُمْ

Dari Ibni Abbas r.a ia mengatakan ketika Nabi Muhammad s.a.w melaksanakan ibadah haji yang penghabisan datanglah seorang perempuan dari kabilah khayam berteriak: Ya Rasulullah sesungguhnya Allah s.w.t telah mewajibkan atau harimbanya untuk melaku-sekan ibadah tajuk, sedangkan bapa saya sudah tu sekha dan tidak mampu / tahan duduk di atas kendaraan, dalam hal ini apakah saya boleh menghajikan dia (badai). Rasulullah menjawab: boleh.

Badal Haji

Saya \_\_\_\_\_ (Nama pembuat halaman)

Alamat : \_\_\_\_\_

Malaysia / Makkah - Saudi Arabia

Mengaku dengan sebenarnya telah menghajikan Allahyarham /

Allianyarnaman yang kurang upaya :

Pada Muslim Haji tanah jauh dari tanah masing-masing

## Tarikh Wukuf :

Injunctive Language

THESEUS

Semoga Allah :

6

Semoga Allah s.w.t mengabulkan ibadah haji tersebut. Amin

## Yang melaksanakan haji

**Disahkan :**

tarikh :

Tel :

